



DENDAM ORANG MENANG

Melawan Pendakwaan Terpilih


SHAH RIR ABDUL SAMAD

09595
AS



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA





DENDAM ORANG MENANG

Melawan Pendakwaan Terpilih

PUSTAKA PERDANA



1013500



Dendam Orang Menang: Melawan Pendakwaan Terpilih
TERBITAN WRITE & BRAVE SDN. BHD.

Imprin kepada PATRIOTS PUBLISHING SDN. BHD.

No. 23 & 23-1, Jalan Seri Rejang 3, Pusat Industri Sri Rampai,
Taman Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur.

Hakcipta © Shahrir Abdul Samad

Kredit foto kepada © Novelyn Salvador Patac

2024

Hak Cipta Terpelihara. Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan di media massa dan akhbar bercetak, kandungan buku ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun selagi tidak mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Dicetak di Malaysia oleh Mihas Grafik Sdn. Bhd.

Suntingan oleh Fatin Atikah

Rekaan kulit muka oleh Airul Fadzly

Rekaan halaman oleh Hayatonnufus

Data Pengkatalogan—dalam—Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN 978-967-2437-80-2

1 0 9 8 7 6 5 4 3 2 1

Buku-buku kami boleh dibeli secara pukal untuk kegunaan promosi, pembelajaran atau perniagaan. Sila hubungi kedai buku berhampiran anda atau Bahagian Perniagaan Write & Brave Sdn Bhd secara e-mail kepada; business@writeandbrave.com

thepatriots.store



THE PATRIOTS





DENDAM ORANG MENANG: MELAWAN PENDAKWAAN TERPILIH

SHHRIR ABDUL SAMAD







Buku ini adalah untuk Sa dan Izan.

Sa tegas dengan pendiriannya bahawa fakta adalah asas kebenaran. Sungguhpun sudah pasti dia mengidap barah Glioblastoma Multiforme (GBM) sebelum lagi perbicaraan kes saya bermula, Sa yakin bahawa kebenaran di pihak bapanya tidak perlu kepada simpati terhadap keadaan kesihatan dirinya.

Izan pula tabah apabila terpaksa menerima segala kesan sampingan dari pendakwaan suaminya di bawah AMLA kerana memahami sangat akan politik balas dendam.






KANDUNGAN

Kata Pengantar Datuk Firoz Hussein, peguam Tan Sri Shahrir Abdul Samad	XI
Kata Pengantar Demi Keadilan Melawan Kezaliman	XV
Prolog	XIX
Bahagian 1 Permulaan Tahun 2019 yang Tragis	1
Bahagian 2 Nukilan Tahun 2020 yang Menduga Kesabaran	15
Bahagian 3 Mengharungi Tahun 2021	37
Bahagian 4 Liku-liku Tahun 2022 yang Mesti Ditempuh	69
Bahagian 5 Tahun 2023 yang Penuh Kesyukuran	133
Bibliografi	145



Kata Pengantar

Datuk Firoz Hussein, peguam Tan Sri Shahrir Abdul Samad



Tan Sri Shahrir Samad's Notes from the Dock are a testament to his legacy to champion the cause of a better Malaysia. It is seldom the case to find a politician who epitomises the rare qualities of honesty, integrity and decency in our political arena today but Shahrir remains an outstanding example.

I was somewhat surprised when I was approached to become a member of his legal team. In all honesty I did not know him well personally before the case but from our first meeting it dawned upon me that this was certainly a case where a great injustice was being perpetrated. Shahrir was his usual

charming self, with his casually nonchalant self-deprecating humour which hid the courage, strength and bravery of the man. Whilst he never told me personally at the time, I later discovered that his beloved daughter Marisa Diana Shahrir was battling terminal cancer. Marisa has sadly passed away since. However, despite this personal tragedy unfolding, Tan Sri Shahrir remained steadfast in his quest to obtain justice and to defend himself.

I had repeatedly advised Tan Sri Shahrir to put in a representation to the new Attorney General to have his charges withdrawn as the legal team and I firmly believed that there were strong and valid grounds for seeking a withdrawal of the charges. However, Tan Sri Shahrir flatly refused. Tan Sri Shahrir's explanation was simple. First, he was in his 70s and had nothing to lose. Secondly, he wanted his day in a Court of Law to prove his innocence when faced with charges which he sincerely believed were baseless and unfounded. The legal team and I respected his decision and as the trial progressed his decision was vindicated and it achieved, to a certain extent, what Tan Sri Shahrir had set out to do and that is, to right a terrible wrong. His aim in doing so was to ultimately make Malaysia a better nation, where truth, justice and the rule of law would prevail.

As was stated by the Deputy Public Prosecutor Datuk Ahmad Dusuki Mokhtar in giving 11 reasons for seeking a discharge not amounting to an acquittal of Datuk Seri Zahid Hamidi in the Yayasan Akalbudi case included the fact that the Government's announcement that a Royal Commission would be established to investigate the former Attorney-General Tan Sri Tommy Thomas's memoir and the revelations he made regarding charges made against certain individuals. Additionally also that Datuk Seri Zahid Hamidi had claimed that he was a victim of selective prosecution by the previous government and that the Attorney General's Chambers believed that it was crucial for the prosecution and the MACC

to thoroughly examine and investigate this claim. These issues raised by the Attorney General in Datuk Seri Zahid Hamidi's case are equally applicable to Tan Sri Shahrir's case and the issues of selective prosecution, the bona fides and motives of the prosecution should be carefully considered by any future Royal Commission of Inquiry particularly in view of the testimony of the Investigating Officer in open court that he was prosecuted even before the investigations against him were completed.

In conclusion, Tan Sri Shahrir's struggle for justice remains an enduring testament of hope for a better Malaysia in the future. It demonstrates unequivocally that in our flawed world, that there are still men of honesty and integrity who are willing to embrace the daunting challenge of fighting for justice and freedom. I now understand that Tan Sri Shahrir Samad was not fighting his battle for himself alone but he was fighting it for all of us, to make our beloved country a better nation for all of us. Thank you Tan Sri and I salute you.



Kata Pengantar



Demi Keadilan Melawan Kezaliman

“Azwan, be frank in your writing!”

Itulah nasihat yang diberikan oleh Tan Sri Shahrir Samad apabila saya diminta untuk menulis pandangan perjalanan kes pengubahan wang haram (AMLA) yang dikenakan kepada beliau.

Saya masih ingat hari pertama pertuduhan dibuat. Tan Sri dan pasukan peguam beliau telah bersedia dengan segala kemungkinan termasuklah wang ikat jamin untuk kes ini. Tan Sri sendiri telah mengeluarkan semua simpanan peribadi hari tua beliau untuk perkara ini.

Ini adalah takdir Allah SWT untuk menguji Tan Sri, hakim berkenaan telah mengenakan sejumlah wang ikat jamin dan ia tidak cukup untuk didepositkan ke akaun ikat jamin. Alhamdulillah, isu ini selesai dengan bantuan rakan-rakan dan penyokong yang hadir ketika itu.

Saya juga dapat melihat dan menyaksikan sendiri pendekatan Tan Sri dan pasukan peguam beliau menguruskan kes ini. Tan Sri sungguh bertuah kerana mempunyai pasukan peguam yang berpengalaman dan berkredibiliti tinggi, namun elemen paling penting adalah kesemua peguam beliau, Datuk Firoz, Datuk Syed Faisal, Tan Sri Zulkifli Ahmad dan saudara Syahrul sepakat dan yakin bahawa pertuduhan yang dikenakan kepada anak guam mereka adalah mengarut dan lemah.

Adalah penting untuk para pembaca mengetahui bahawa

perbicaraan kes AMLA Tan Sri Shahrir Samad ini masih di peringkat pendakwaan dan tiada keputusan *prima facie* dibuat.

Faktanya adalah kerana simpati dan tanggungjawab Tan Sri sebagai Ahli Parlimen Johor Bahru ketika itu, beliau telah menggunakan duit simpanan sendiri untuk menyelamatkan projek perumahan Puri Langkasuka yang terbengkalai. Ia telah berjaya disiapkan dan memberikan kelegaan ramai penerima unit rumah berkenaan dan dinamakan semula sebagai Pangsapuri Seri Anugerah.

Siapa sangka, jumlah belanja sebenar yang melebihi RM1 juta dari anggaran awal membuatkan Tan Sri terpaksa mengadakan perkara ini kepada Presiden UMNO ketika itu, Datuk Seri Najib Razak. Oleh sebab itu, Tan Sri telah menerima sumbangan RM1 juta yang dikatakan dari sumber 1MDB itu sebagai duit ganti kepada simpanan hari tua beliau yang telah digunakan untuk Puri Langkasuka.

Di kala saat perbicaraan berlangsung, ramai saksi pendakwaan sendiri yang memberikan testimoni yang baik dan menyokong sahsiah Tan Sri. Keadaan ini membawa kepada cadangan dan nasihat dari rakan-rakan parti UMNO dan Kerajaan ketika itu agar Tan Sri menulis satu representasi kepada Peguam Negara untuk menilai semula pertuduhan ini.

“No way I am going to do that. I have been to so many places. If I am destined to be in jail and die in it...then so be it.”

“Therefore, we go all the way! I have to clear my good name, because that is the only thing I have left.”

Itulah jawapan balas kepada berisan peguam Tan Sri ketika beliau diterangkan akan risiko untuk tidak menulis representasi ke Peguam Negara bagi kes pengubahan wang haram (AMLA) beliau.

Inilah manifestasi kesungguhan Tan Sri serta keyakinan terhadap tindakan beliau selama ini. Beliau konsisten bahawa beliau menerima dana parti yang disumbangkan oleh Presiden parti beliau. Ia diterima dengan niat baik (*good faith*) Secara logik akal pun, takkan penerima sumbangan nak tanya kepada penyumbang mengenai sumber dana.

Selain itu, perbicaraan kes ini juga menimbulkan persoalan terhadap niat dan fungsi media di negara kita. Secara jujur nya, saya amat sedih dengan liputan media akan kes Tan Sri ini. Banyak keterangan saksi-saksi utama pendakwaan yang memberi kelebihan kepada Tan Sri yang tidak dilaporkan di media.

Malah ada yang mengatakan Tan Sri tidak menyeleweng dan dana sumbangan yang diterima dari Datuk Seri Najib Razak digunakan sepenuhnya bagi maksud untuk menyiapkan projek Puri Langkasuka yang terbengkalai sekali gus memberikan penyuman kelegaan buat ramai pembeli.

Media lebih suka melaporkan hujahan pihak pendakwaan dan gemar mensensasikan perkara picisan seperti pembelian Honda Civic Hybrid dan lain-lain.

Jadi, mengapakah pertuduhan ini dibuat di peringkat awal? Apakah ia mempunyai niat lain, bukan untuk mencari kebenaran tetapi berniat untuk memburukkan imej Tan Sri dan parti UMNO itu sendiri.

Sudahlah itu, pihak pendakwaan dengan angkuh berkata bahawa mereka tidak mempunyai sebarang keterangan yang baik mengenai yang dituduh (*statement favourable to the accused*) mengenai Tan Sri dari siasatan mereka. Lebih menyedihkan apabila saksi utama pendakwaan iaitu Pegawai Penyiasat SPRM sendiri mengakui bahawa pertuduhan ini dibuat sebelum siasatan lengkap diadakan.

Kata mudah, "*Tuduh dahulu, siasat kemudian.*" Kegilaan apakah ini?

Jelas terang lagi bersuluh, pertuduhan kes ini zalim, tidak adil dan bermotifkan politik oleh regim Kerajaan PH 1.0

pimpinan Tun Dr Mahathir, dengan bantuan Tommy Thomas dan Latheefa Koya untuk menafikan keadilan dan kebenaran, dengan badan penyiasatan seperti SPRM dan badan pendakwaan negara Jabatan Peguam Negara (AGC) telah diperkudakan demi nafsu dan kepentingan politik mereka.

Mereka ini mahu mengaibkan nama baik Tan Sri, menghina keluarga dan sekali gus merosakkan imej UMNO, parti Keramat orang Melayu yang diwakili Tan Sri dengan setia.

Saya tidak mempersoalkan qadak dan qadar Ilahi, namun kadang-kadang wujud perasaan di sudut hati ini, mengapakan ujian yang sebegini berat dikenakan kepada seorang insan yang telah menghabiskan sebahagian besar hidup kurniaan Tuhan Yang Maha Esa ini untuk rakyat dan negara.

Saya yakin ramai rakyat di luar sana sedikit sebanyak pernah menerima manfaat dari kerja kuat dan usaha Tan Sri. Karier politik beliau yang penuh warna warni serta menjadi inspirasi buat ramai lagi diluar sana, khususnya anak muda yang bakal mewarisi negara ini.

Jika ada pengajaran dari perjalanan kes ini yang boleh saya secara peribadi rumuskan ialah ketegasan mempertahankan prinsip dan integriti diri melawan kezaliman dan ketidakadilan walau ada ketika diri itu berseorangan.

Saya percaya, atas semangat inilah Tan Sri Shahrir Samad akhirnya beroleh kemenangan yang manis. Masih jelas di memori ini melihat Tan Sri menitiskan air mata kelegaan kerana kebenaran akhirnya bersama beliau.

Azwan Omar

Kuala Lumpur

24 September 2023

PROLOG



Tidak menghairankan kalau pihak yang kalah itu, berdendam. Namun, ia tidak berbahaya kerana pihak yang kalah tidak mempunyai kekuatan kuasa untuk membalas dendam secara berkesan terhadap yang menang.

Sebaliknya, kalau orang yang menang pula yang berdendam, mereka mempunyai kekuatan kuasa untuk bertindak terhadap mereka yang kalah. Pastiya lebih berbahaya. Saya lebih bimbang kepada dendam orang menang.

Apatah lagi kalau pembalasan dendam itu. Pertamanya, dilihatkan sebagai sambungan dan pengesahan kepada hasutan dan fitnah terhadap mereka yang telah dikalahkan itu. Dalam *euphoria* kemenangan, pembalasan dendam, bagaimana tidak munasabah pun, kepada yang kalah akan dianggap sebagai suatu yang biasa.

Keduanya, apabila pihak yang menang sanggup pula menggunakan segala kekuatan dan kuasa yang terdapat dalam *apparatus of the State* atau badan-badan di bawah Eksekutif. Sistem pemisahan kuasa antara Eksekutif dengan Judisiari meletakkan kuasa penyiasatan dan pendakwaan kepada Eksekutif.

Kuasa penyiasatan dan pendakwaan cukup berkesan untuk mendera sasaran dendam kerana keputusan perbicaraan akan mengambil masa. Pendek kata, tuduh dulu. Salah atau tidak, soal kedua. Menang atau kalah, tidak penting.

Orang yang disiasat akan masuk berita dalam surat khabar



dan media lain. Setiap kali dipanggil oleh SPRM, gambar mereka akan dirakam oleh media. Kalau pun badan penyiasat tidak keluarkan kenyataan, akan ada berita yang termaklum oleh sumber-sumber yang mempunyai maklumat.

Pada ketika ini pun pihak awam sudah membuat anggapan. Kalau tak salah, tentu tidak akan disiasat. Anggapan buruk awam sudah mula terbentuk pada peringkat penyiasatan, iaitu sebelum adanya pendakwaan pun di mahkamah.

Hasil perbicaraan atau apa yang disifatkan sebagai “kebenaran dan keadilan” ini hanya penting kepada mangsa dan tidak kepada pembalas dendam. Kalau pula hendak ditentukan akan keputusan perbicaraan, ia akan memerlukan kerjasama dan persetujuan institusi kehakiman.

Selepas PRU 14 dan perubahan kerajaan, saya pada mulanya hanya memerhati tanpa banyak bicara apabila agensi-agensi penyiasatan mula bertindak untuk menyiasat DS Najib.

Kelakuan agensi-agensi ini—PDRM dan SPRM juga, dalam suasana *euphoria* kemenangan Pakatan Harapan seolah-olah perlu mereka membuktikan bahawa mereka sebenarnya tidak menyebelahi kepimpinan kerajaan yang lama.

Saya teringat juga apabila PDRM merampas wang tunai dan barangan berharga dari kondominium Pavilion, saya ditanya oleh media tentang pendapat saya. Saya menjawab bahawa wang tunai itu adalah dana politik parti dan adalah baki dari dana kempen PRU 14.

Serta merta saya mendapat pesanan ringkas dari seorang kawan lama saya yang pernah satu ketika dulu menjadi wartawan kanan di sebuah akhbar arus perdana.

“*Really, my friend.*” Dia menyindir saya. Saya menjawab balik, bukankah baru sahaja kita mengadakan pilihan raya dan wang tunai itu besar kemungkinan adalah baki dari dana pilihan raya BN dan UMNO.

“*Tidak,*” dia kata. Itu duit Najib dan Rosmah. Implikasinya ialah duit yang dirompak oleh pemimpin UMNO dan sempat pula dia melibatkan isteri Najib.

Kawan saya itu turut terpengaruh dengan *euphoria* kemenangan Pakatan Harapan dan kekalahan BN hingga hilang habis sikap rasional dan kritisnya sebagai seorang wartawan. Persepsinya terpengaruh kuat oleh naratif hasutan dan fitnah yang dibawa sebelum dan semasa PRU 14.

Sungguhpun dia mengalami sendiri kesan dari Ops Lalang PDRM pada tahun 1987 tapi masa sudah banyak berlalu dan 30 tahun kemudian dia lebih selesa dengan naratif “penyamun, perompak” yang dibawa oleh Mahathir terhadap Najib dan Rosmah. Mungkin juga kawan saya itu percaya sangat Malaysia perlu diselamatkan sedangkan dari segi ekonomi dan sosioekonomi, dia tahu Malaysia lebih mantap ketika itu.

Tiga tahun kemudian pada Mei 2021, mahkamah putuskan supaya wang tunai sebanyak RM114 juta yang dirampas oleh PDRM itu tidak dapat dibuktikan sebagai sebahagian dana 1MDB. Ia adalah dana politik di bawah penguasaan Najib dan wang tunai itu dikembalikan kepadanya.

Akhbar *The Star* melaporkan wang tunai RM130 juta telah disita oleh PDRM dalam satu serbuan di kondominium Pavilion pada Mei 2018. Ada akhbar lain yang melaporkan jumlah wang tunai ialah sebanyak RM120 juta. PDRM, selepas serbuan itu, tidak pula menyatakan berapa banyak sebenarnya yang disahkan oleh penghuni atau pemilik kondominium itu. Macam mana ada kekurangan berjumlah antara RM6 juta dan RM16 juta?

Dan tidak ada sesiapa dari kalangan pengamal undang-undang, pejuang hak asasi manusia atau media yang menyoalkan perbezaan jumlah ini. Mungkin agaknya kalau sudah dihukumkan Najib sebagai “perompak”, orang yang “mencuri” duit “perompak” itu boleh dimaafkan! Satu jumlah yang boleh membentuk kehidupan baharu di negara baharu?

Kawan lama saya pun mungkin sudah lupa akan sindirannya kepada saya pada hari rampasan PDRM itu dilakukan. Saya tidak menerima pesanan Whatsapp daripadanya menyatakan telahan saya tiga tahun dulu adalah betul dan dia salah anggap

Penyitaan atau rampasan harta oleh badan penyiasat dilakukan sebagai sebahagian dari penyiasatan dan tersebar luaslah cerita dalam media tentang harta yang disita itu. Kalau ada video menunjukkan wang tunai yang dirampas, barang-barang kemas yang tersusun, kereta-kereta mewah yang berderet yang semua disita lagi bagus untuk tontonan umum.

Lagilah mudah untuk umum cepat menghukum sedangkan belum lagi dibicarakan pun. Salah tetap salah kerana sudah dipamerkan ke khalayak awam. Maka di peringkat penyiasatan sudah dikukuhkan persepsi awam bahawa yang disiasat hingga disita itu sebagai salah.

Apatah lagi dengan tekanan dari segi masa yang perlu diluahkan untuk melayan pegawai penyiasat SPRM atau PDRM! Peguam pun perlu dilantik. Jadi, bukan sahaja masa tapi duit pun perlu disediakan untuk menghadapi kemungkinan penyiasatan itu bakal ke mahkamah.

Pendakwaan juga kuasa Kerajaan, iaitu diletak di bawah Peguam Negara. Ikut Perlembagaan Malaysia, pendakwaan (termasuk memberhentikan pendakwaan) itu adalah atas “budi bicara” Peguam Negara.

Saya sendiri tiga kali dipanggil untuk disoal siasat oleh SPRM. Soalan yang diaju kepada saya ialah mengenai RM 1 juta yang saya terima dari Najib. Jawapan saya kepada pegawai-pegawai penyiasat SPRM sama jugalah seperti saya jawab pertanyaan media apabila perkara itu mula-mula didedahkan oleh *Sarawak Report*.

Siasatan SPRM terhadap saya dan lain-lain pemimpin UMNO adalah berkaitan dana yang dikatakan ada kaitan dengan 1MDB. Selepas dua kali disoal siasat, saya dan 79 pihak yang lain menerima tawaran untuk membayar kompaun 2.5 kali ganda duit yang diterima.

Kompaun? Bagaimana Latheefa Koya boleh putuskan yang duit sejuta ringgit yang saya terima dari Najib itu adalah duit dari aktiviti haram? Semasa saya disoal siasat dua kali itu, saya tidak pula disergah oleh pegawai SPRM dengan fakta itu.

Apabila saya dan Ahmad Maslan mempertikaikan tindakan SPRM untuk mengkompaun kami semua seramai 80 orang dan entiti itu, kami dipanggil lagi sekali untuk disoal siasat.

Macam mana hendak elak SPRM dilihat sebagai senjata dendam pihak yang menang?

Mereka yang disiasat dan kemudiannya dikenakan kompaun semuanya adalah dari UMNO dan parti komponen BN. Tidak ada seorang pun yang pernah juga menerima dana dari Najib tetapi telah melompat keluar dari UMNO dan masuk parti komponen PH dikenakan kompaun.

Mas Ermieyati? Mustapha Mohamed?

Mereka sudah menyelamatkan diri mereka sekali dengan Malaysia juga diselamatkan oleh PH!

Mereka yang tinggalkan UMNO tetap selamat dari dendam orang menang! Latheefa Koya tidak akan bertindak menyiasat mereka kerana mereka sudah bersama dengan pihak yang menang.

Akhirnya, selepas saya dan Ahmad Maslan menolak untuk membayar kompaun kerana kononnya menerima dana dari punca dan aktiviti haram, kami dipanggil balik untuk disoal siasat bagi kali ketiga sebelum kami didakwa di mahkamah.

Terdiam saya apabila saya melihat tuduhan terhadap saya. Ia mengaitkan penerimaan wang haram dengan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan! Kesalahan cukai pendapatan dan didakwa di bawah AMLA? *Money laundering*? Pengubahan wang haram kerana tidak isytihar pendapatan yang bercukai?

Siapalah yang “genius” dalam SPRM dan Jabatan Peguam Negara yang telah merangka satu tuduhan yang sungguh mengarut ini? Kalau ia satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, mengapa tidak libatkan LHDN? Mengapa masih SPRM? Mengapa dituduh di bawah AMLA?

Kalau di bawah Akta Cukai Pendapatan, saya tidak akan ke mahkamah. LHDN akan berunding dengan saya dan hukumannya setakat bayar denda dan rundingan itu berlaku

dalam keadaan tertutup. Tapi apabila didakwa di bawah AMLA, ia dibicarakan di dalam mahkamah dan hukuman kalau didapati bersalah termasuk penjara.

Ada kawan saya yang bertanya saya mengapa saya memilih untuk pergi ke mahkamah. Bukankah ada sebahagian besar masyarakat yang anggapkan mereka yang didakwa di mahkamah adalah orang yang salah. Pendek kata, kalau tidak salah, tidak akan ke mahkamah.

Pendapat itu betul dulu-dulu. Sebab dulu-dulu, Peguam Negara dan peguam-peguamnya akan terlebih dahulu meneliti bukti dalam semua kes kerajaan. Menang kalah sesuatu kes bergantung kepada bukti dan kebolehan pendakwa raya.

Ikut cakap seorang mantan Peguam Negara, kalau peratusan peluang kemenangan kes Kerajaan berasaskan kepada bukti sahaja tidak mencapai tahap 80 peratus, Kerajaan tidak akan membawa kes itu ke mahkamah. Itu sebabnya adanya anggapan bahawa sesiapa sahaja yang didakwa di mahkamah oleh Kerajaan adalah seorang yang bakal didapati salah.

Itu dulu-dulu. Sekarang Tommy Thomas dilantik menjadi Peguam Negara. Masalahnya bagi orang-orang pilihan Kerajaan PH untuk mengisi jawatan-jawatan penting seperti Peguam Negara dan Ketua Persuruhjaya SPRM adalah mereka ini mempunyai prasangka yang negatif terhadap mereka yang tidak sependapat dengan mereka.

Prasangka inilah kelemahan mereka. Tambahan pula, mereka tidak berpengalaman bekerja dalam Kerajaan. Kelemahan itu pastinya membuatkan mereka lebih bergantung kepada “yes, men” yang sedia mengiyakan pendapat mereka dan melakukan apa yang mereka inginkan.

Ini adalah kelakuan manusia. Tidak ada sesiapa yang akan memberi pandangan yang kritis untuk menambah baik prestasi atau mengelakkan kegagalan jabatan dan ketuanya. Sesiapa sahaja yang memberi pendapat atau pandangan yang kritis dan berbeza akan dianggap sebagai menyokong regim yang lama. Sungguhpun ini memudahkan dendam mereka

yang menang terhadap yang kalah, tapi ia akan melemahkan kebolehan dan kecekapan jabatan atau badan kerajaan itu.

Kesimpulannya, kalau saya yakin akan bahawa kelakuan saya bukan suatu jenayah walau apa pun pendapat pihak pendakwa raya, dan keduanya, kalau saya mempunyai barisan peguam yang lebih bijaksana dari pasukan peguam kerajaan, saya sedia berhadapan dengan perbicaraan di mahkamah.

Oleh hal yang demikian, saya bersedia untuk menguji kebolehan Tommy Thomas dan Latheefa Koya dalam perbicaraan di mahkamah. Saya sudah pun disiasat dan dimasukkan ke dalam “kluster mahkamah” yang terbentuk atas dendam pihak yang menang. Nama baik saya sudah pun dicabar di khalayak umum.

Berhadapan dengan suatu tuduhan yang buat pertama kali melibatkan Akta Cukai Pendapatan di bawah AMLA dan yakin kepada kelemahan barisan penyiasat dalam SPRM dan barisan pendakwa raya dalam Jabatan Peguam Negara, saya anggarkan saya berkemungkinan besar akan berjaya dalam perbicaraan di mahkamah.

Dendam orang menang sudah pasti menyusahkan. Ia perlu kepada kesabaran dan bantuan kepekerangan undang-undang. Kesabaran untuk menerima cemuhan dan sindiran dalam masa saya menghadapi tekanan dari SPRM dan Jabatan Peguam Negara.

Saya juga yakin “budaya angguk” di peringkat pegawai yang terbentuk oleh prasangka buruk ketua-ketua baharu mereka akan mengancam kebolehan dan keupayaan pegawai-pegawai SPRM dan Jabatan Peguam Negara. Kebolehan dan keupayaan mereka pastinya diuji semasa perbicaraan di mahkamah.

Sambil saya menunggu kes saya untuk bermula di mahkamah, Kerajaan PH telah gagal dalam usahanya itu menyita dana dalam akaun-akaun bahagian dan negeri UMNO. Mereka hanya menang dalam perbicaraan yang tidak dicabar oleh badan UMNO yang berkenaan.

Kejayaan dendam mereka hanya tercapai kalau dapat mereka pastikan hakim yang mendengar kes itu dan hakim-hakim yang mendengar rayuan di peringkat berikutnya. Kerajaan PH mahukan kejayaan dalam pendakwaan terhadap Najib dan sanggup melakukan apa sahaja.

Dendam orang yang menang boleh mendera dan menyusahkan pihak yang kalah melalui kuasa untuk menyiasat dan mendakwa. Malangnya bagi Kerajaan PH, prasangka buruk mereka terhadap yang kalah akan merosakkan “budaya kecemerlangan kerja” dalam badan-badan penyiasat dan pendakwaan.

Apa yang telah dilakukan kerana dendam adalah suatu pengalaman baharu bagi negara. Ia juga pengalaman baharu bagi orang-orang politik. Tidak semua yang berkemampuan menghadapi dan melalui ujian dari dendam itu kerana ia sudah berlaku sekali selepas PRU 14, ia pasti akan berlaku lagi.



DENDAM ORANG MENANG

Melawan Pendakwaan Terpilih

Dalam *Dendam Orang Menang*, kita dibawa ke dalam dunia Tan Sri Shahrir Samad, yang menghadapi cabaran terbesar dalam karier politiknya.

Buku ini mengisahkan bagaimana beliau berjuang melawan tuduhan gagal mengisytiharkan RM1 juta yang diterima daripada Datuk Seri Najib Razak melalui cek kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Di tengah serangan dan tuduhan daripada Pakatan Harapan, naratif ini mengungkapkan perjalanan beliau membersihkan namanya dan keberhasilannya dalam menghadapi kes pendakwaan terpilih.

Dengan penceritaan yang mendebarkan dan penuh emosi, *Dendam Orang Menang* membawa pembaca ke dalam pusaran politik, keadilan dan dilema moral. Lebih daripada sekadar perjuangan di mahkamah, buku ini juga menjelajahi kedalaman karakter, kekuatan semangat dan ironi dalam politik. Cerita ini mencerminkan perjuangan mencari keadilan dalam sistem yang kompleks dan penuh cabaran.

Saksikan bagaimana Tan Sri Shahrir mengatasi rintangan ini dengan keberanian dan ketabahan, menjadikan *Dendam Orang Menang* sebuah kisah inspiratif tentang ketahanan, integriti dan pencarian kebenaran dalam dunia yang serba kelabu.



**WRITE &
BRAVE**

RM33.00



9 789672 437802